

21 DEC 2002

Mahathir-Moden (Bergambar)

KERAJAAN MAHU WUJUD PERKAMPUNGAN MODEN DI SELURUH NEGARA

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Kerajaan bercadang membangunkan perkampungan-perkampungan moden di seluruh negara dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar terutama di kawasan perkampungan tradisi.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad berkata ciri utama perkampungan moden itu ialah ia akan memiliki kawasan perindustrian selain kemudahan asas dan kawasan rekreasi.

Dr Mahathir berkata melalui konsep itu, kerajaan akan membina rumah dan menjual kepada penduduk luar bandar dengan harga yang murah serta mewujudkan kawasan industri supaya penduduknya mempunyai pekerjaan.

Projek perintis kampung moden itu sedang dilaksana di daerah Kubang Pasu, katanya semasa berucap merasmikan Dewan Wawasan Jitra serta majlis rumah terbuka sempena Aidilfitri di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata projek itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat kerana kerajaan tidak dapat melaksanakan serentak di seluruh negara kerana ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi.

Dr Mahathir berkata konsep itu bertujuan untuk mengubah corak kehidupan penduduk kampung yang masih berada ditakuk lama.

Katanya industri yang boleh dibangunkan merupakan industri kecil yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada antara 20 hingga 100 orang.

"Kita lebih suka industri kecil yang boleh mengaji 20 hingga 100 orang di mana pekerjanya datang mengikut jadual berbanding industri di rumah kerana orang yang membuat industri di rumah tidak mempunyai disiplin," katanya.

"Dengan adanya perkampungan moden berkenaan, ia dapat mempertingkatkan taraf hidup penduduk dan kemudahan di luar bandar serta dapat mewujudkan suasana persekitaran yang bersih,"

"Kita nak kampung moden nampak cantik dan penduduknya hidup dengan sempurna sama seperti kemudahan yang dinikmati penduduk di bandar," katanya.

Pada perkembangan lain, Dr Mahathir meminta pengundi di kawasan parlimen Kubang Pasu supaya memberi sokongan kepada sesiapa sahaja yang dipilih menjadi calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi itu pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya mungkin tidak akan bertanding lagi, saya minta pengundi terus beri sokongan kepada calon Barisan Nasional," katanya yang menjadi wakil rakyat kawasan parlimen itu sejak 1974.

Dr Mahathir sebelum ini telah mengumumkan hasratnya untuk bersara pada Oktober tahun depan.

Sementara itu, Dewan Wawasan yang dirasmikan Dr Mahathir merupakan dewan serbaguna yang mempunyai pelbagai kelengkapan moden.

Dewan yang boleh memuat seramai 7,000 orang itu dilengkapi dengan pentas utama, auditorium 200 tempat duduk, kemudahan media, perpustakaan, makmal komputer, taman bumbung terbuka dan gelanggang badminton.

-- BERNAMA

MZM MAN WNZ FIZ MOZ